

08/05/2000

Semua pihak sokong saranan Daim

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Sikap usahawan Melayu yang masih terlalu bergantung kepada pengaruh politik bagi mendapatkan sesuatu projek adalah antara kelemahan yang mendedahkan mereka kepada kerugian serta syarikat ditutup.

Sehubungan itu, pelbagai pihak menyambut baik kenyataan Tun Daim Zainuddin semalam yang mengingatkan usahawan Melayu supaya mengelakkan diri daripada mencipta budaya perniagaan yang bergantung kepada pengaruh politik.

Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Syed Amin Aljefri, berkata kenyataan Menteri Kewangan itu boleh dianggap sebagai satu penekanan baru kerajaan dalam usaha memastikan hanya usahawan yang berkebolehan saja diberi tanggungjawab melaksanakan projek.

"Tidak guna kita memberi penekanan kepada anak-anak kita supaya menitikberatkan pendidikan dan cari pengalaman (berniaga), tetapi akhirnya jalan pintas dilakukan iaitu mendapat projek dengan pengaruh politik. Kita mahu anak muda Melayu yang berpengetahuan bagi memartabatkan bangsa supaya setanding dengan kaum lain," katanya ketika dihubungi hari ini.

Ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Nasional Ekonomi Melayu Alaf Baru 2000 di Johor, semalam, Daim antara lain berkata tiada gunanya menggunakan pengaruh politik dan pertalian luar perniagaan jika perniagaan itu akhirnya mengalami kegagalan.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, pula berkata sepatutnya pemberian projek kepada seseorang usahawan perlu disandarkan kepada kebolehannya, bukan kerana kaitan politik dan yang lebih teruk ialah apabila dia melakukan pula sub-kontrak kepada orang lain.

Katanya, dalam era k-ekonomi (ekonomi pengetahuan), semua yang dilakukan perlu berlandaskan kepada profesionalisme dan perniagaan ala alibaba yang pernah menjadi isu pada 1980-an sudah tidak wujud lagi.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata perniagaan dan politik perlu diasingkan kerana campuran kedua-duanya menimbulkan percanggahan kepentingan.

Katanya, bagi mengelak percanggahan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering menasihatkan orang politik terutama di kalangan jemaah menterinya untuk melepaskan kepentingan dalam perniagaan.

"Langkah ini juga boleh membantu mengurangkan kegiatan politik wang apabila kepentingan perniagaan dipisahkan daripada kepentingan politik. Misalnya, ada yang merebut jawatan di peringkat Umno bahagian atau majlis tertinggi, bukan saja mahukan kuasa, malah bagi merebut peluang perniagaan.

"Ada yang benar-benar mahu berniaga diketepikan kerana mahu mengutamakan orang yang ada kaitan dengan politik. Saya berharap kenyataan Tun Daim itu tidak menyinggung mana-mana pihak," katanya.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu (Perdasama), Datuk Mohamed Izzat Emir, bagaimanapun berkata Malaysia yang masih dikuasai orang Melayu dalam politik sebenarnya masih lagi memerlukan peranan politik bagi memastikan mereka mendapat pengagihan yang adil.

Katanya, memang benar perniagaan tidak harus bergantung kepada pengaruh politik sebab perniagaan yang lebih besar ada di kalangan masyarakat pengguna yang tiada kaitan dengan kerajaan.

"Perkara penting ialah kita kena tanya diri sendiri, sama ada kerajaan terus mahu melihat penyertaan lebih ramai Bumiputera dalam perniagaan atau

terhad kepada beberapa kerat saja.

"Malangnya, proses pemilihan pelbagai tender masih bergantung kepada pegawai awam yang menjalankan tugas. Bila berlaku kepincangan, ketidakadilan atau pemilihan tidak adil, maka pengaruh politik masih diperlukan," katanya.

Katanya, oleh kerana ahli politik dipilih dengan penuh kepercayaan untuk membantu menasihati, mengawasi serta memberi teguran bagi pihak rakyat yang meletakkan mereka di situ, maka peranan politik masih diperlukan bagi menangani masalah seumpamanya.

Setiausaha Agung penaja Parti Demokratik Malaysia (MDP), Wee Choo Keong, pula berkata memang tidak dinafikan wujud penggunaan pengaruh politik di kalangan masyarakat korporat bagi mendapatkan sesuatu projek.

Beliau berharap kenyataan Daim itu adalah ikhlas supaya dihentikan segala usaha mendapatkan sesuatu perniagaan melalui pintu belakang tanpa didasarkan kepada kebolehan seseorang.

(END)